



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 9/2013

Rujukan : Bil (26) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

18 Julai 2013

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

**KADAR KELAYAKAN BAGI BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA
MENJALANKAN TUGAS RASMI/MENGHADIRI KURSUS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 para 4.3.1 dan Pindaan Pekeliling melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2010** telah menetapkan kadar 'Sewa Hotel' maksimum yang layak dituntut dengan disokong bersama resit bagi bayaran hotel untuk **anggota yang menjalankan tugas rasmi** di luar Ibu Pejabat dan perlu menginap.

3. Manakala, **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005 para 4** telah menetapkan kadar 'Sewa Hotel' maksimum bagi **anggota yang menghadiri kursus pendek sepenuh masa di Dalam Negeri** sekiranya kemudahan penginapan tidak disediakan oleh penganjur.

4. Bagi perlaksanaannya di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh, kadar kelayakan bagi perkara tersebut telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Bil. 01/04/08 melalui Kertas Kerja No. 11/04/08 yang mana memutuskan untuk menerima pakai kadar yang ditetapkan oleh Pekeliling – Pekeliling yang dinyatakan di atas.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 9/2013

KADAR KELAYAKAN BAGI BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI/MENGHADIRI KURSUS

Kadar yang telah ditetapkan oleh Pekeliling-Pekeliling tersebut adalah seperti berikut:

a) Semenanjung Malaysia

Gred Jawatan	Sewa Hotel/Malam (Maksimum)	
	Anggota yang Menjalankan Tugas Rasmi	Anggota yang Menghadiri Kursus
Utama/Khas 'A' dan ke atas atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Standard Suite)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
Utama/Khas 'B' dan 'C' atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Superior)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
53 dan 54 atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Biasa)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
45 hingga 52 atau yang setaraf	RM180.00	RM145.00
41 hingga 44 atau yang setaraf	RM160.00	RM130.00
27 hingga 40 atau yang setaraf	RM140.00	RM 80.00
17 hingga 26 atau yang setaraf	RM130.00	
1 hingga 16 atau yang setaraf	RM120.00	RM 65.00

b) Sabah, Labuan dan Sarawak

Gred Jawatan	Sewa Hotel/Malam (Maksimum)	
	Anggota yang Menjalankan Tugas Rasmi	Anggota yang Menghadiri Kursus
Utama/Khas 'A' dan ke atas atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Standard Suite)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
Utama/Khas 'B' dan 'C' atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Superior)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
53 dan 54 atau yang setaraf	Kos Sebenar (Bilik Biasa)	Kos Sebenar (Bilik Biasa)
45 hingga 52 atau yang setaraf	RM200.00	RM160.00
41 hingga 44 atau yang setaraf	RM170.00	RM140.00
27 hingga 40 atau yang setaraf	RM160.00	RM100.00
17 hingga 26 atau yang setaraf	RM150.00	
1 hingga 16 atau yang setaraf	RM140.00	RM 80.00

ARAHAN KEWANGAN BIL. 9/2013

KADAR KELAYAKAN BAGI BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI/MENGHADIRI KURSUS

5. Walaubagaimanapun, sekiranya, terdapat situasi di mana anggota diarahkan menjalankan tugas rasmi atau menghadiri kursus di mana kadar sewa hotel adalah tinggi berbanding kelayakan maksimum dan tidak terdapat hotel berdekatan yang menawarkan sewa pada kadar yang lebih rendah atau munasabah anggota terbabit **perlu mendapatkan kelulusan bertulis dari Y. Bhg. Datuk Bandar (Pegawai Pengawal)** bagi membolehkan tuntutan bayaran sewa hotel tersebut dibuat mengikut kadar sebenar yang mana pertambahan kadarnya adalah tertakluk seperti berikut:

Situasi	Syarat dan Kelayakan
Tempat penginapan (hotel) yang sama dengan tempat bertugas/kursus	Pertambahan pada kadar tidak melebihi 50% daripada kelayakan mengikut Pekeliling berkaitan (Perlu disokong dengan Resit)
Tempat penginapan (hotel) yang berdekatan/berlainan dengan tempat bertugas/kursus	Pertambahan pada kadar tidak melebihi 25% daripada kelayakan mengikut Pekeliling berkaitan (Perlu disokong dengan Resit) Bukti semakan harga perlu dikepilkan bersama tuntutan bagi memastikan perbandingan harga terendah dibuat.

6. Sekiranya kadar bayaran sewa hotel bagi kedua-dua situasi di atas adalah **melebihi kelayakan yang ditetapkan** seperti di atas, Ketua Jabatan/Bahagian/Unit perlu mengkaji semula keperluan dan kepentingan tugas rasmi/kursus tersebut. Walaubagaimanapun, sekiranya tugas rasmi/kursus tersebut masih perlu atau wajib dihadiri, justifikasi tentang keperluan dan kepentingan menghadiri kursus tersebut perlu dikemukakan untuk kelulusan Y. Bhg. Datuk Bandar (Pegawai Pengawal).

ARAHAN KEWANGAN BIL. 9/2013

KADAR KELAYAKAN BAGI BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI/MENGHADIRI KURSUS

7. Bagi memastikan perbelanjaan mengikut kelayakan, **perkongsian bilik hotel antara pegawai/anggota yang terlibat di tempat tugas rasmi/kursus yang sama ditetapkan mengikut kesesuaian (jantina) dan sebarang pengecualian perlu mendapatkan kelulusan Y. Bhg. Datuk Bandar (Pegawai Pengawal) dengan mengemukakan justifikasi yang kukuh.** Pelaksanaan perkongsian bilik hotel ini juga perlu mematuhi syarat dan kelayakan mengikut situasi berkaitan yang ditetapkan seperti di jadual-jadual di atas.

8. Selain itu, bagi pertimbangan mengenai kadar sewa hotel di atas, setiap Ketua Jabatan/Bahagian/Unit dan juga anggota Majlis dipohon untuk memastikan konsep "Best Value For Money" diterapkan dan ianya adalah sebagai sebahagian dari **pematuhan kepada Arahan Kewangan Bil.6/2013** dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan agar kadar sewa hotel terlibat dalam setiap kursus/bengkel/seminar yang dihadiri **berpatutan dan munasabah.**
- ii. Pemilihan hotel yang bersesuaian dengan **mengambilkira aspek lokasi, keselamatan, keselesaan munasabah dan tidak melibatkan kos-kos tambahan** (contoh: kos pengangkutan/perjalanan tambahan ke tempat tugas rasmi/kursus).

9. Adalah diharapkan dengan kerjasama, perhatian, pertimbangan dan tindakan setiap lapisan warga Majlis Bandaraya Ipoh dapat memastikan perbelanjaan berhemah dan penerapan konsep "Best Value For Money" tersebut tercapai dalam konteks di atas. **Perlaksanaan prosedur-prosedur Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)

Datuk Bandar Ipoh



"INOVASI PEMACU TRANSFORMASI"